Pemikiran Perundangan Islam di Hulu Terengganu Pada Abad Ke-14: Kajian Filologi-Sejarah Terhadap Batu Bersurat Terengganu

BITARA
Volume 9, Issue 3, 2026: 238-251
© The Author(s) 2026
e-ISSN: 2600-9080
http://www.bitarajournal.com
Received: 30 July 2026
Accepted: 28 August 2026
Published: 30 September 2026

[Islamic Legal Thought in Fourteenth-Century Upper Terengganu: A Philological-Historical Study of the Terengganu Inscription]

Amer Hudhaifah Hamzah[1], Wan Kamal Mujani[2*], Noorsafuan Che Noh[3], Ja'far[4]

1 Fakulti Pengajian Islam (FIS), Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu. Sabah, MALAYSIA
e-mail: amerukun@ums.edu.my
2* Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-Mail: inawan@ukm.edu.my
3 Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA
E-Mail: noorsafuancn@unisza.edu.my
4 Universitas Islam Negeri Sultanah Nahrasiyah, Jl. Medan - Banda Aceh, Alue Awe, Kec. Muara Dua, Kota Lhokseumawe, Aceh 24352, INDONESIA
E-Mail: jafar@iainlhokseumawe.ac.id

*Corresponding Author: inawan@ukm.edu.my

Abstrak

Kajian ini menganalisis Batu Bersurat Terengganu (BBT) sebagai antara sumber sejarah Islam terawal di Asia Tenggara melalui pendekatan filologi sejarah keagamaan, dengan memperlakukan teks keagamaan sebagai dokumen sejarah yang mencerminkan struktur akidah dan perundangan Islam pada zamannya. Kajian ini berasaskan pembacaan semula teks BBT menggunakan transliterasi oleh Adam (2009), diikuti analisis filologi wacana dan pentafsiran kandungan teks dalam kerangka usul fiqh dan epistemologi keagamaan, sebelum *dikontekstualisasikan* dalam sejarah Asia Tenggara abad ke-14. Dapatan kajian menunjukkan bahawa BBT mengandungi unsur akidah Islam yang jelas serta peruntukan undang-undang Syariah yang matang, menandakan bahawa Islam telah diinstitusikan secara struktural dalam masyarakat Melayu sekitar abad ke-14. Tahap kematangan ini berkemungkinan besar diperkukuh melalui peranan ulama luar yang berasimilasi dengan masyarakat tempatan dan mempunyai hubungan dengan institusi pemerintahan. Dari perspektif usul fiqh, penerapan prinsip *maslahah mursalah*, '*urf* dan *fiqh siyasah* memperlihatkan kefahaman maqasid al-shari'ah yang kontekstual. Walaupun kajian ini tidak mengenal pasti secara langsung autoriti pemerintahan di Hulu Terengganu, ia mengesahkan bahawa Islam berfungsi sebagai asas normatif bagi perundangan, autoriti dan kehidupan sosial, sekali gus menyumbang kepada pembentukan tradisi Islam - Melayu yang tersendiri.

Kata kunci: Keagamaan; perundangan Islam; undang-undang Syariah; usul fiqh; undang-undang Malaysia

Abstract

This study analyses the Terengganu Inscription (Batu Bersurat Terengganu, BBT) as one of the earliest sources of Islamic history in Southeast Asia through a religious–historical philological approach, treating a religious text as a historical document reflecting the structure of Islamic creed and law of its time. The study is based on a re-examination of the BBT text using the transliteration by Adam, A. (2009), followed by a philological discourse

analysis and an interpretation of its content within the framework of uṣul al-fiqh and religious epistemology, before being contextualised within fourteenth-century Southeast Asian history. The findings show that the BBT contains clear elements of Islamic creed and mature provisions of Shariʿah law, indicating that Islam had been institutionally established within Malay society by the fourteenth century. This level of maturity was likely facilitated by external scholars who assimilated into the local community. From the perspective of uṣul al-fiqh, the application of maslaḥah mursalah, ʿurf, and fiqh siyasah reflects a contextual understanding of maqaṣid al-shariʿah. Although the study does not identify the ruling authority in Upper Terengganu, it confirms Islam as a normative foundation for law and social life, contributing to the formation of a distinct Islam–Malay tradition.

Keywords: Religion; Islamic law; shariah law; usul fiqh; Malaysian law

This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite This Article:
Amer Hudhaifah Hamzah, Wan Kamal Mujani, Noorsafuan Che Noh, Ja'far. (2026). Pemikiran Perundangan Islam di Hulu Terengganu Pada Abad Ke-14: Kajian Filologi–Sejarah Terhadap Batu Bersurat Terengganu [Islamic Legal Thought in Fourteenth-Century Upper Terengganu: A Philological–Historical Study of the Terengganu Inscription]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 9(3): 238-251.

PENGENALAN

Batu Bersurat Terengganu (selepas ini hanya akan dikenali sebagai "BBT") merupakan salah satu sumber sejarah terawal yang secara tidak langsung dapat menggambarkan perkembangan Islam pada abad ke-14 di Asia Tenggara (Yakin 2015). Selain menjadi bukti material bagi kewujudan institusi agama di bawah kerajaan Melayu pada zaman tersebut, penemuan dan kajian terhadap BBT diyakini dapat memperkaya pemahaman mengenai struktur akidah dan norma hukum (fiqh) yang diamalkan ketika itu, kerana teks BBT memperlihatkan dengan jelas hasil perkembangan perundangan Islam yang giat antara abad ke-13 hingga 14 (Rahim et. al. 2010; Hamzah 2023: 31-32).

Walau bagaimanapun, kajian terdahulu terhadap BBT sering menumpukan kepada aspek epigrafi dan linguistik, selain sedikit sebanyak tentang *arkeometrik* bahannya. (Abdullah & Hamat 2013) Justeru, pengkaji berpendapat bahawa masih terdapat kekurangan kajian yang menafsirkan BBT sebagai dokumen sejarah keagamaan, bukan semata-mata kerana ketandusan maklumat atau kekaburan sumber, tetapi lebih jelas disebabkan oleh kecenderungan pendekatan sedia ada yang terhad kepada pembacaan deskriptif dan teknikal.

Pendekatan sebelum ini lazimnya hanya menumpukan analisis terhadap kandungan langsung teks, sistem tulisan serta aspek fizikal batu seperti epigrafi dan *petrologi* (rujuk Tinjauan *Literatur*), tanpa meneliti secara mendalam interpretasi akidah dan perundangan Islam yang berstruktur dalam wacana teks tersebut. Kekangan perspektif dan metodologi ini telah meninggalkan satu kelompangan ketara dalam usaha memahami catatan BBT sebagai dokumen sejarah keagamaan yang mencerminkan tahap pemikiran Islam yang maju dan matang berlandaskan kerangka *interpretatif* yang menggabungkan analisis filologi dengan sejarah keagamaan (Lihat Metodologi Kajian).

Bagi mengisi kelompangan tersebut, artikel ini mengemukakan satu pembacaan *interpretatif* berasaskan analisis struktur wacana agama yang disebut sebagai Filologi Sejarah Keagamaan yang akan menafsirkan teks BBT sebagai manifestasi *logikal* kepada struktur akidah dan perundangan Islam pada zaman ia ditulis. Pendekatan ini bertujuan untuk merungkai BBT bukan sekadar sebagai teks, tetapi sebagai kod normatif yang menginstitusikan Islam dalam kerangka sosial dan perundangan masyarakat Melayu abad ke-14. Melalui kajian ini, pemahaman terhadap konteks sejarah dan sosial masyarakat Terengganu pada abad ke-14 akan dapat diperdalamkan, sekaligus menyumbang kepada naratif sejarah Islam di Asia Tenggara secara lebih jelas dan menyeluruh (Nadri et. al. 2020).

TINJAUAN LITERATUR

Sorotan mendapati kajian terhadap Batu Bersurat Terengganu (BBT) sudah bermula sejak awal abad ke-20 lagi, khususnya melalui usaha pegawai British dan sejarawan tempatan yang menumpukan perhatian kepada pembacaan teks, tafsiran literal kandungan serta pentarikhan batu bersurat seperti Paterson (1924), Blagden (1924) dan Za'ba (1929).

Dapat disimpulkan daripada keterangan Abdullah (2011) bahawa penyelidikan awal terhadap BBT dengan tumpuan kepada tafsiran, bacaan isi kandungan dan usaha pentarikhan batu bersurat tersebut telah mendorong kebanyakan pengkaji selepas itu melihat BBT sebagai bukti awal pengaruh Islam yang masuk ke Alam Melayu, lalu mengubah struktur masyarakatnya. Walau bagaimanapun, dimensi keagamaan dan perundangan Islam dalam BBT masih belum diteliti sebagai suatu proses *penginternalisasian* yang bersifat aktif, *adaptif* dan mendalam, iaitu bagaimana prinsip-prinsip Islam diolah, disesuaikan dan diinstitusikan secara normatif dalam kerangka sosial dan politik tempatan, bukan sekadar diterima sebagai pengaruh luar yang bergerak mendatar.

Pada tahun 2009, perkembangan penting dalam kajian BBT berlaku apabila batu bersurat ini diiktiraf sebagai *Memory of the World* oleh UNESCO. Pengiktirafan daripada institusi global ini telah mencetuskan lonjakan ketara dalam penyelidikan akademik terhadap BBT, khususnya dalam tempoh antara tahun 2009 hingga 2012. Sepanjang tempoh itu, pelbagai kajian baharu telah dihasilkan dan dibentangkan dalam *Seminar Batu Bersurat* yang dianjurkan oleh Lembaga Muzium Negeri Terengganu. Dari segi kuantiti, sebanyak tujuh (7) artikel telah dihasilkan pada tahun 2009, diikuti lapan (8) artikel pada tahun 2010 seterusnya peningkatan yang agak jelas sehingga dua puluh tiga (23) artikel dalam tempoh 2011 hingga 2012. Secara keseluruhan, hampir 40 artikel telah menjadikan BBT sebagai subjek kajian utama sepanjang tempoh itu, sekali gus memperlihatkan tahap keterlibatan akademik yang tinggi selepas pengiktirafan antarabangsa tersebut.

Walaupun 40 kajian di atas merangkumi pelbagai disiplin seperti sejarah, arkeologi, linguistik, sains bahan dan perundangan Islam, namun wacana akademik mengenai BBT secara umumnya digerakkan oleh kelompok penyelidik teras yang sama. Antara tokoh yang paling kerap terlibat ialah Abdul Razak Salleh (empat kali) yang menumpukan kepada pendekatan matematik dan struktur dalam analisis BBT, Rahimin Affandi Abd. Rahim (tiga kali) dalam tafsiran syariah dan pemikiran Islam serta Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (dua kali) yang mewakili bidang arkeologi dan sejarah dalam menjadikan BBT sebagai sumber sejarah awal. Selain itu, kajian linguistik dan persuratan Jawi oleh Hashim Musa, Asmah Omar dan

Adi Yasran Abdul Aziz, serta kajian teknikal dan digital oleh Khairuddin Omar dan Mohd Sanusi Azmi, perlu diakui telah banyak menyumbang kepada pengesahan teks, bentuk tulisan dan konteks material batu bersurat.

Meskipun bilangan kajian yang tinggi dalam tempoh kurang 5 tahun itu, dapat dilihat keseluruhan korpus kajian secara relatif masih banyak menumpukan kepada aspek deskriptif, epigrafi, teknikal dan pengesahan sejarah, termasuk penjelasan kandungan hukum secara literal. Analisis terhadap struktur wacana dan logik normatif yang mengatur penyusunan teks BBT masih kurang diberikan perhatian. Akibat kecenderungan metodologi ini, BBT jarang diteliti secara menyeluruh sebagai teks normatif Islam yang disusun secara terancang mengikut konvensi penulisan perundangan dan keagamaan Islam klasik.

Tidak dinafikan beberapa kajian oleh Rahimin Affandi Abd. Rahim et. al., begitu juga Kassim et. al. (2019), telah memberikan sumbangan penting dalam menghuraikan pelaksanaan syariah serta dimensi kearifan tempatan Melayu di Malaysia. Namun begitu, penerapan prinsip-prinsip usul fiqh seperti '*urf* dan *maslahah mursalah* dalam kerangka *fiqh siyasah* masih belum dianalisis secara sistematik sebagai mekanisme *kontekstualisasi* hukum. Begitu juga, kedudukan BBT dalam jaringan intelektual Islam yang lebih luas, khususnya mengenai hubung kaitnya dengan tradisi pemikiran dan perundangan Islam di Asia Barat dan Asia Tengah, kurang mendapat perhatian dari sudut filologi sejarah keagamaan dan analisis wacana.

Lantaran demikian, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan menampilkan pembacaan *interpretatif* berasaskan analisis struktur wacana dan filologi sejarah keagamaan, menggunakan versi transliterasi yang lebih jelas, bagi menilai tahap *penginternalisasian* Islam yang matang dalam masyarakat Melayu abad ke-14.

METODOLOGI KAJIAN

Proses kajian terhadap BBT ini dijalankan melalui beberapa langkah utama yang dirangka bagi memastikan analisis yang menyeluruh dan kritikal. Pertama, pengumpulan data dilakukan dengan membaca semula teks Jawi BBT menggunakan panduan transliterasi yang diusahakan oleh Adam (2009). Secara ringkas, transliterasi Adam (2009) dipilih sebagai teks asas kajian bukan sahaja kerana ia menawarkan bacaan yang lebih jelas berbanding transliterasi sarjana terdahulu, malah kerana proses pembinaannya didasarkan pada penelitian leksikografi yang melibatkan rujukan silang terhadap pelbagai kamus bahasa Melayu serta bahasa-bahasa serumpun di Asia Tenggara. Pendekatan ini dipercayai dapat memperhalusi makna setiap perkataan BBT yang mengelirukan atau masih diperselisihkan. Sehubungan itu, transliterasi dengan ciri-ciri ini dijangka mampu menyediakan representatif teks yang lebih meyakinkan untuk dijadikan sumber analisis, sekali gus mengurangkan kemungkinan berlakunya penyimpangan tafsiran yang berpunca daripada ketidakpastian bacaan, selain mewujudkan landasan yang lebih kukuh bagi proses pentafsiran selanjutnya (Popova, 2022).

Langkah kedua ialah analisis filologi yang mana teks BBT akan dikaji secara kritikal untuk memahami struktur wacana, pilihan kata dan gaya bahasa yang digunakan. Analisis ini juga merangkumi pengenalpastian ujaran-ujaran khusus berkaitan akidah dan perundangan Islam pada abad ke-14. Pendekatan filologi membolehkan peneliti menilai bukan sahaja kandungan literal teks, tetapi juga implikasi linguistik dan makna yang tersirat di sebalik ungkapan tertentu (Fatoni 2021).

Seterusnya langkah ketiga adalah interpretasi sejarah keagamaan. Berdasarkan hasil analisis filologi, teks ditafsirkan dalam konteks disiplin usul fiqh dan epistemologi keagamaan, sebelum dihubungkan dengan sejarah Islam di Terengganu dan rantau Asia Tenggara secara lebih meluas. Fokus analisis ini adalah untuk memahami bagaimana kandungan BBT mencerminkan pandangan masyarakat dari segi akidah, perundangan dan nilai-nilai kolektif pada zaman itu. Dengan pendekatan ini, teks BBT tidak hanya dilihat sebagai dokumen linguistik, tetapi juga sebagai sumber sejarah yang kaya dengan maklumat keagamaan sosial. Barulah sesudah itu, sintesis data yang menghubungkan dapatan interpretasi sejarah keagamaan dengan konteks sejarah dan kemasyarakatan umum di Asia Tenggara (Yakin 2015; Hamzah 2023: 24-25). Analisis yang bersifat komparatif ini bertujuan menilai keselarian inferens yang diperoleh daripada BBT dengan naratif sejarah yang sedia ada, sekaligus membolehkan kesimpulan yang lebih holistik mengenai peranan BBT dalam membentuk pemahaman terhadap struktur akidah dan perundangan Islam pada abad ke-14.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Struktur Wacana

Analisis terhadap struktur wacana BBT menunjukkan bahawa teks ini terbahagi secara fungsional kepada tiga bahagian utama, iaitu 1) Pendahuluan, 2) Isi piagam dan 3) Penutup. Bahagian Pendahuluan merangkumi keseluruhan penampang A, sementara bahagian Isi piagam pula meliputi penampang B, C, dan majoriti penampang D. Adapun bahagian Penutup tertumpu pada baris 4 hingga 5 penampang D.

Dari segi gaya wacana, bahagian Pendahuluan pada penampang A dimulakan dengan ayat berbentuk *doksologi*, iaitu ungkapan pujian kepada Allah SWT, selawat kepada Rasulullah SAW dan doa kepada ahli keluarga dan para sahabat Baginda sebagai pembuka kata. Namun begitu, teks pujian kepada Allah SWT dan selawat kepada Rasulullah SAW telah hilang bersama dengan bahagian atas BBT yang patah. Yang tinggal adalah doa kepada ahli keluarga atau para sahabat Baginda sahaja seperti yang dapat dilihat pada petikan:

> ... dengan nang uwarang santabya mereka saka 1/ asa pada Dewata Mulia Raya ... 2

Pembahagian kepada pendahuluan, isi piagam dan penutup yang tersusun, serta susunan pujian, selawat dan doa dalam bahagian *doksologi*, menunjukkan ciri tipikal teks awal tradisi penulisan Islam. Hal ini mencerminkan kesinambungan dan pengintegrasian yang matang serta utuh, sebagai warisan daripada tradisi penulisan Islam yang bersifat sejagat.

Bahagian *doksologi* itu seterusnya beralih secara beransur-ansur kepada ayat *emotive-directive*, khususnya dalam bentuk doa yang sarat dengan pengharapan dan kesungguhan:

> "... beri hamba meneguhkan ugama Islam 2/ dengan benar bicara dharma meraksa bagi sekalian hamba Dewata Mulya Raya 3/ di benua ko ini panantu ugama Rasul Allah SallalLahu alayhi wasallam raja ... 4"

Peralihan ini dilakukan dengan penuh cermat sebelum teks bergerak kepada ayat berbentuk *declarative-constative*, iaitu pengisytiharan rasmi yang bersifat normatif dan mengikat. Urutan ini memperlihatkan kesinambungan logik antara legitimasi teologi, permohonan moral, dan pelaksanaan kuasa perundangan:

> "fardu pada sekalian raja manda- 6/ -lika Islam menurut sa titah. Dewata Mulya Raya dengan benar 7/ bicara berbajiki banua panantua itu maka titah Sri Paduka 8/ Tuhan, madudukkan tamra ini di banua Tarangganu ... 9"

Secara umumnya dapat dilihat, Pendahuluan yang penuh dengan ciri-ciri tradisi penulisan Islam ini mula-mulanya berfungsi meletakkan autoriti ketuhanan sebagai asas legitimasi keseluruhan piagam sebelum beralih kepada doa dan pengharapan. Peralihan kepada doa dan pengharapan ini sangat penting bagi memperlihatkan penguasa sebagai makhluk Tuhan yang lemah tetapi telah dipertanggungjawabkan untuk memikul pelaksanaan hukum Tuhan di atas muka bumi. Dengan mandat Ilahi yang diberikan inilah akhirnya, pengisytiharan penguatkuasaan hukum dilaksanakan bagi menuntut ketaatan dan kesetiaan seluruh rakyat. Tertib dan susunan ini jelas bukan bersifat rawak, namun sengaja dirangka untuk membentuk legitimasi dan autoriti normatif BBT.

Bahagian isi piagam pula terkandung dalam penampang B, C dan D, yang memperlihatkan kandungan perundangan berjumlah sepuluh hukum atau undang-undang yang disusun secara teratur, sejajar dengan fungsi *deklaratif* yang telah diperkenalkan dalam bahagian pendahuluan. Hal ini kerana fungsi *deklaratif* sesuatu dokumen perundangan menuntut penyampaian norma dan ketetapan hukum secara tersusun dan jelas agar dapat berfungsi sebagai rujukan autoritatif yang mengikat, bukannya sebagai wacana naratif atau nasihat moral semata-mata. Justeru, penyusunan hukum-hukum tersebut dalam bentuk unit yang terpisah dan *tematik* mencerminkan kesedaran terhadap keperluan fungsional teks sebagai instrumen perundangan, yang bertujuan menginstitusikan peraturan sosial berasaskan kerangka akidah Islam dalam struktur masyarakat.

Jadual 1 Petikan teks BBT berkenaan 10 hukum

Hukum	Teks BBT	Status	Domain
1.	Penampang B ...	Hilang	Tidak diketahui
2.	...	Hilang	Tidak diketahui
3.	Kulawarga di banua Jawa … kana tol[ih] 1/ dating berikan ... 2	Tidak lengkap dan tidak difahami	Tidak diketahui
4.	... Kaem[pat dharma barang] orang berpihutang 2/ jangan mengambil … k[alantara?] … [a]mbil mana hilangkan emas 3	Teks lengkap dan difahami	Muamalat
5.	Kalima dharma barang orang … [mar]dika 4/ jangan mengambil tugel bwat … r n […] emasnya 5/ Jaka iya ambil hilangkan emas ... 6	Teks lengkap dan difahami	Muamalat
6.	... kaenam dharma barang 6/ orang berbwat malacara laki-laki perempuan sa titah 7/ Dewata Mulya Raya jaka mardika bujan palu 8/ sa ratus rautan jaka mardika beristeri 9/ Atawa perempuan berswami ditanam hinggan 10/ pinggang dihambalang dengan batu matikan 11/ jaka inger ma[lacara] hambalang jaka anak mandalika […] 12/ Penampang C bujan dandanya sa puluh tengah tiga jak ana d […] 1/ mantri bujan dandanya tujuh tahil sa p[aha …] 2/ tengah tiga jaka tetua bujan dandanya lima ta[hil …] 3/ tujuh tahil sa paha masuk bandhana jaka o[rang] 4/ Mardika ... 5	Teks hampir lengkap dan difahami	Munakahat
7.	... ketujuh dharma barang perempuan hendak […] 5/ […] tida dapat berswami jak ana berbwat malacara bukan ada […] 6	Teks hampir lengkap lengkap dan difahami	Munakahat
8.	Penampang D ... […] tida benar dandanya sa tahil sa paha ... 1	Tidak lengkap dan tidak difahami	Tidak diketahui
9.	... kasembilan dharma […] 1/ […] Sri Paduka Tuhan siapa tida ta pranaya dandanya 2	Teks hampir lengkap dan difahami	Muwatanah
10.	[…] ata jaka iko atawa pamanakan ko atau cucu ko atawa kulawarga ko atawa anak [ko] 3	Tidak lengkap dan tidak difahami	Tidak diketahui

Akhir sekali bahagian penutup, yang terletak pada baris 4 hingga 5, menggunakan gaya bahasa retorik *preventif* yang bertujuan mengekang dan menakutkan sebarang bentuk pelanggaran terhadap piagam yang telah diisytiharkan.

> "[…] tamra ini segala isi tamra ini barang siapa tida menurut tamra ini laknat Dewata Mulya Raya 4/ […] dijadikan Dewata Mulya Raya bagi yang langkar acara tamra ini 5"

Gaya ini lazim ditemui dalam teks perundangan Islam klasik, khususnya dalam bentuk ancaman moral dan keagamaan terhadap mereka yang mengingkari hukum yang ditetapkan. Penggunaan retorik *preventif* ini menegaskan bahawa peruntukan dalam BBT bukan sekadar saranan etika, tetapi undang-undang yang telah dilaksanakan secara rasmi dan mengikat masyarakat.

Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan BBT bukan sahaja tersusun dari segi fizikal dan linguistik, tetapi juga menunjukkan kematangan struktur wacana perundangan Islam sejak abad ke-14. Gabungan *doksologi*, deklarasi kuasa dan retorik pencegahan membuktikan bahawa teks ini berfungsi sebagai kod hukum yang tegas, berautoriti dan berakar dalam epistemologi Islam, selain mengukuhkan kedudukan BBT sebagai sumber primer penting dalam memahami perkembangan awal perundangan dan pemikiran Islam di Alam Melayu.

Analisis Filologi Sejarah Keagamaan

Berdasarkan apa yang masih dapat difahami daripada teks BBT yang tinggal, sepuluh hukum yang dirakamkan merangkumi aspek muamalat, khususnya berkaitan hutang-piutang, dan munakahat, lebih-lebih lagi larangan terhadap persetubuhan haram antara lelaki dan perempuan.

Dari sudut filologi sejarah keagamaan, perincian kandungan hukum ini penting kerana ia bukan sekadar mencerminkan norma ideal Islam, tetapi juga merakam realiti sosial yang dihadapi oleh masyarakat Melayu pada abad ke-14. Dalam konteks ini, BBT berfungsi bukan sahaja sebagai kod undang-undang, malah sebagai teks yang menyingkap jenis permasalahan sosial yang dianggap signifikan dan berulang dalam kehidupan masyarakat ketika itu. Kedudukan Kuala Berang atau Hulu Terengganu sebagai kawasan pelabuhan pedalaman, misalnya, memungkinkan interaksi intensif antara pedagang dan penduduk tempatan, sekaligus menjelaskan keperluan penguatkuasaan hukum bagi mengawal aktiviti sosial yang dianggap menyimpang. (Lihat sebagai contoh Faqih 1998: 16)

Sebagai sebuah dokumen perundangan bertulis yang menginstitusikan norma dan peraturan berasaskan kerangka akidah Islam, BBT memperlihatkan tahap *penginternalisasian* Islam yang telah mencapai dimensi struktural dalam susunan sosial dan politik masyarakat Melayu abad ke-14. Dari perspektif sejarah keagamaan, hal ini menafikan tanggapan bahawa Islam pada tempoh tersebut masih terbatas pada tahap pengenalan atau amalan ritual semata-mata, sebaliknya telah berfungsi sebagai asas normatif yang mengatur kehidupan kolektif masyarakat.

Pembacaan *analitikal* terhadap BBT menunjukkan bahawa Islam telah difahami oleh masyarakat Melayu abad ke-14 bukan hanya sebagai sistem kepercayaan individual, bahkan sebagai sistem amalan kolektif yang telah diinstitusikan sebagai asas perundangan, sumber legitimasi kuasa dan kerangka etika sosial. Pemahaman ini dapat ditelusuri melalui dua dimensi keagamaan utama yang telah matang dalam teks tersebut, iaitu:

i. dimensi akidah yang membentuk asas teologi kenegaraan berteraskan tauhid, dan
ii. dimensi fiqh serta usul fiqh yang memandu perumusan dan pelaksanaan hukum secara praktikal dalam konteks masyarakat setempat.

Kedua-dua dimensi ini akan dihuraikan satu persatu seperti berikut:

i. Akidah

Dari sudut akidah, BBT menampilkan suatu kefahaman tauhid *rububiyyah* yang tinggi, iaitu pengiktirafan bahawa Allah SWT adalah Pemilik mutlak kekuasaan, Penggubal hukum sebenar, dan sumber autoriti tertinggi dalam kehidupan manusia. Pemerintah, dalam kerangka ini, tidak dianggap sebagai pencipta undang-undang, tetapi sebagai pelaksana semata-mata kepada hukum Allah. Konsep ini sejajar dengan prinsip asas politik Islam bahawa kedaulatan hakiki (*al-hakimiyyah*) adalah milik Allah, manakala manusia, termasuk raja, hanyalah khalifah dan pemegang amanah.

> "Penampang A: ... beri hamba meneguhkan ugama Islam 2/ dengan benar bicara dharma meraksa bagi sekalian hamba Dewata Mulya Raya 3/ di benua ko ini ... 4"
> "bhumi panantua itu "fardu pada sekalian raja manda- 6/ -lika Islam menurut sa titah". Dewata Mulya Raya dengan benar 7/ bicara berbajiki banua panantua itu ... 8"

Kenyataan di atas sangat jelas menandakan peralihan epistemologi yang besar dalam pemikiran politik Melayu awal, daripada konsep kedaulatan raja yang bersifat sakral pada zaman pra-Islam kepada konsep kedaulatan Ilahi yang mengikat raja itu sendiri sebagai salah seorang makhluk. (Md Bahruddin, 2025)

Pemerintah dalam BBT digambarkan sebagai penerus legasi kepimpinan Rasulullah SAW, bukan dalam erti autoriti kenabian Baginda, tetapi dalam erti tanggungjawab menegakkan keadilan dan hukum Tuhan.

> "Penampang A: panantu ugama Rasul Allah SallalLahu alayhi wasallam raja […] 4/ Mandalika yang benar bicara sebelah Dewata Mulya Raya ... 5"

Hal ini sangat signifikan kerana ia menunjukkan bahawa model kenegaraan yang difahami oleh masyarakat Melayu ketika itu ialah model kenabian (*prophetic governance*), yang mana kuasa bukan wewenang pemerintah, tetapi amanah yang akan dipersoalkan di hadapan Allah (Irsyady & Kamran, 2020). Dengan itu, undang-undang dalam BBT bukan sekadar instrumen kawalan sosial, tetapi mekanisme keadilan yang diwajibkan oleh agama untuk melindungi seluruh rakyat tanpa mengira status.

Begitu juga dari segi hukuman, BBT tidak hanya mengancam rakyat jelata yang melanggar hukum, bahkan turut menyebut implikasi terhadap kaum kerabat pemerintah. Ini merupakan petunjuk penting bahawa konsep "kesaksamaan di hadapan hukum" telah selaras dengan kerangka Islam, walaupun masih berada dalam lingkungan struktur feudal (yakni

mengambil kira hierarki sosial sebagai sebahagian daripada realiti masyarakat). Keberanian mengikat kerabat raja dengan ancaman hukum menunjukkan bahawa penggubal teks ini, yang besar kemungkinan besar merupakan seorang ulama daripada Timur Tengah yang sudah berasimilasi dengan masyarakat tempatan (Shellabear 1901: 12-13; al-Attas 1969: 29-30; Ibn Battuta 1987: 630), telah mendapat kepercayaan penuh raja untuk melaksanakan hukum Islam secara serius. Dalam konteks sejarah politik, kenyataan ini bukanlah suatu perkara yang boleh diremehkan, kerana lazimnya golongan istana berada di luar jangkauan undang-undang.

Turut menarik perhatian adalah kandungan berbentuk ancaman laknat dan murka Allah terhadap pelanggaran hukum.

> "Penampang D: […] tamra ini segala isi tamra ini barang siapa tida menurut tamra ini laknat Dewata Mulya Raya 4/ […] dijadikan Dewata Mulya Raya bagi yang langkar acara tamra ini 5"

Dari sudut teologi, ini menunjukkan bahawa hubungan antara hukum dan akidah sangat rapat. Hukum tidak dilihat sebagai peraturan duniawi semata-mata, tetapi sebagai tuntutan iman. Ketaatan kepada undang-undang adalah manifestasi ketaatan kepada Tuhan, dan pelanggaran hukum adalah dosa, bukan sekadar kesalahan sivil. Ini mencerminkan suatu bentuk *religiositi* yang bersifat holistik, yang mana kehidupan sosial, politik dan perundangan berada dalam orbit ketuhanan. (Irsyady & Kamran, 2020).

Fiqh dan Usul Fiqh

Dimensi kedua yang sangat matang dalam BBT ialah kefahaman fiqh dan usul fiqh. Ini dapat dilihat melalui cara hukuman dirumuskan, dikategori dan disesuaikan.

Pelaksanaan hukum ke-6 sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 1 sebagai contoh memperlihatkan penggunaan konsep *maslahah mursalah* dan '*urf* sebagai asas pertimbangan hukum, khususnya dalam membezakan bentuk hukuman antara rakyat biasa dan anak mandalika (kerabat raja). Pendekatan ini sepatutnya tidak dibaca secara dangkal sebagai diskriminasi feudal, sebaliknya wajar difahami dalam kerangka *fiqh siyasah*, iaitu usaha menjaga kestabilan politik dan keharmonian sosial melalui pemeliharaan institusi raja. Dalam konteks ini, *hifz al-dawlah* (menjaga keharmonian negara) sebagai salah satu dimensi maqasid al-shari'ah berfungsi sebagai justifikasi normatif kepada perbezaan pelaksanaan hukuman, demi maslahah umum masyarakat.

Pemeliharaan negara, dalam erti menjamin ketertiban awam, kestabilan politik dan kelangsungan entiti umat, merupakan prasyarat penting bagi merealisasikan maqasid syariah pada peringkat *daruriyyat*, iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (yang terkenal sebagai *al-daruriyyat al-khams*). Kesemua kepentingan asasi tersebut sukar dicapai tanpa kewujudan sebuah negara yang berfungsi, berwibawa dan berkeupayaan menegakkan undang-undang, melaksanakan keadilan serta melindungi masyarakat daripada ancaman dalaman dan luaran. Dalam kerangka inilah maka pemeliharaan keamanan dan institusi negara dapat difahami sebagai suatu *maslahah daruriyyah* yang mendasari serta menyokong keseluruhan maqasid syariah, sejajar dengan pendekatan *fiqh siyasah* yang meletakkan maslahah umum sebagai asas pentadbiran dan pemerintahan (Zaroumi 2017).

Dalam konteks pemikiran bangsa Melayu awal, prinsip ini dizahirkan melalui pendekatan berhati-hati terhadap pelaksanaan hukuman ke atas golongan bangsawan dan kerabat diraja. Hukuman yang lebih ringan terhadap mereka tidak wajar ditafsirkan sebagai keistimewaan yang bersifat peribadi, sebaliknya perlu difahami sebagai usaha menjaga kemuliaan dan kewibawaan institusi raja, yang dilihat sebagai simbol daulat, ketenteraman dan kestabilan negeri. Raja dan kerabatnya bukan sekadar 'individu' dalam kerangka pemikiran Melayu, tetapi teras legitimasi politik dan paksi struktur sosial. Oleh sebab itu, sebarang tindakan perundangan terhadap mereka dinilai bukan semata-mata berdasarkan kesalahan individu, tetapi berdasarkan kesan sosial dan politik yang lebih luas terhadap keharmonian masyarakat dan kelangsungan pemerintahan.

Pendekatan ini selari dengan prinsip maqasid syariah yang menuntut penilaian hukum berdasarkan akibat dan implikasi (*i'tibar al-ma'alat*) serta dengan *fiqh siyasah* yang mengutamakan pemeliharaan maslahah umum, khususnya dalam usaha memelihara keamanan dan ketenteraman awam sebagai antara tujuan utama syariah (Zaroumi, 2017). Dalam kerangka ini, pemeliharaan negara dan kestabilan pemerintahan menjadi prasyarat kepada perlindungan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta masyarakat keseluruhannya. Sehubungan itu, kestabilan institusi pemerintahan dapat difahami sebagai sebahagian daripada maslahah yang mendasari pencapaian maqasid syariah, memandangkan keamanan dan ketenteraman merupakan syarat kepada pelaksanaan tanggungjawab agama serta pemeliharaan kepentingan masyarakat secara menyeluruh (Zaroumi, 2017). Maka, kelonggaran tertentu dalam pelaksanaan hukuman terhadap golongan simbolik negara bukanlah suatu pencabulan keadilan sebenarnya, tetapi manifestasi kefahaman politik dan perundangan yang berorientasikan kestabilan, keteraturan dan kelangsungan masyarakat menurut kerangka maqasid.

Berasaskan kerangka di ataslah, terdapat *indikasi* yang jelas bahawa penggubal teks ini mempunyai kefahaman yang matang terhadap perbezaan antara hudud, qisas dan takzir, serta tidak terikat kepada pemaknaan literal semata-mata. Sebahagian hukuman dilaksanakan dalam bentuk hudud, berpandukan nas yang jelas seperti sebat dan rejam bagi kesalahan *malacara* yang melibatkan rakyat biasa. Namun, bagi kesalahan yang sama, hukuman terhadap golongan bangsawan dilaksanakan dalam bentuk takzir, misalnya melalui bayaran emas. Fleksibiliti ini menunjukkan keupayaan membezakan antara hukum yang bersifat qat'i dan hukum yang terbuka kepada ijtihad pentadbiran, sekali gus menegaskan bahawa hukum Islam difahami sebagai sistem normatif yang hidup dan berlapik, bukan sebagai doktrin agama yang beku.

Keseluruhan pendekatan ini mencerminkan suatu tahap kesedaran maqasid yang tinggi dalam sistem pentadbiran Melayu ketika itu, iaitu kefahaman bahawa hukum Islam bukan sekadar teks, tetapi suatu sistem yang mesti dilaksanakan dengan mengambil kira konteks sosial, struktur kuasa dan realiti setempat. Daripada sini muncul suatu bentuk penaakulan hukum tempatan (*local legal reasoning*) yang berakar pada prinsip usul fiqh Islam, bukan peniruan literal atau mekanikal terhadap teks agama. Justeru, proses Islamisasi di Alam Melayu dapat difahami sebagai suatu proses yang kreatif dan *adaptif*, di mana prinsip-prinsip Islam diserap dan diterjemahkan secara dinamik ke dalam kerangka budaya dan politik setempat.

Dari sudut sosiologi agama, BBT membuktikan bahawa Islam sejak abad ke-14 telah menembusi jauh ke dalam struktur masyarakat di alam Melayu, bukan sekadar lapisan individu semata-mata. Islam, dengan ini dapat dianggap, telah berjaya membentuk konsep keadilan, autoriti, hukuman pengajaran, dan tanggungjawab sosial. Hal ini menandakan suatu tahap

institusionalisasi agama yang mana agama dijadikan kerangka asas kepada sistem sosial. Ia sangat berbeza dengan fasa awal Islamisasi yang biasanya bersifat simbolik pada nama Islam dan ritual asas semata-mata sebelum berkembang menjadi lebih sistemik.

Keupayaan prinsip fiqh dan usul fiqh diterjemahkan ke dalam bentuk perundangan bertulis di kawasan pedalaman alam Melayu seperti di hulu Terengganu bukan sahaja mewajarkan pandangan kehadiran autoriti keilmuan Islam yang terlatih dan berinstitusi, tetapi juga mencerminkan suatu proses *intelektualisasi* ilmu, iaitu adaptasi pengetahuan fiqh kepada kerangka normatif yang sistematik dan boleh tadbir. Peranan sedemikian, dalam konteks Asia Tenggara abad pertengahan, sangat berkemungkinan dimainkan oleh ulama antarabangsa, khususnya dari Yaman atau Parsi, yang memiliki tradisi panjang dalam pengkodifikasian hukum, kehakiman dan *penasihatan* politik di wilayah-wilayah baharu Islam. (lihat sebagai contoh Ibn Batutah 1987: 630)

Senario di atas meletakkan masyarakat Melayu abad ke-14 bukan sebagai penerima pasif tamadun Islam sahaja, malah sebagai aktor yang mengolah, menyesuaikan dan membumikan Islam dalam realiti tempatan. Orang Melayu tidak sekadar meniru model Arab atau Parsi, sebaliknya membina suatu sintesis antara Islam dan struktur sosial Melayu. Sehubungan itu, lahirlah tradisi Islam-Melayu yang unik, yang mana raja secara simbolik difahami sebagai *zill Allah fi al-ard* bermaksud bayangan Allah di bumi (Stockwell menyebutnya sebagai *God's vicegerent in the world*) (Wan Husain 2017: 155; Stockwell 1977: 493). Konsep ini menandakan bahawa Islam telah mencapai tahap struktural dengan prinsip-prinsipnya diintegrasikan ke dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran sebagai asas normatif yang membingkai legitimasi kuasa, autoriti undang-undang dan hierarki kenegaraan Melayu.

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa Batu Bersurat Terengganu (BBT) wajar difahami sebagai dokumen sejarah keagamaan dan perundangan Islam yang mencerminkan tahap *penginternalisasian* Islam yang matang dalam masyarakat Melayu abad ke-14. Berbeza daripada pendekatan terdahulu yang lebih menumpukan aspek epigrafi dan linguistik, kajian ini menampilkan pembacaan *interpretatif* melalui analisis struktur wacana dan filologi sejarah keagamaan, dengan tujuan menilai implikasi akidah, perundangan dan pemikiran Islam yang terkandung dalam teks. Pendekatan ini membolehkan BBT dibaca bukan sekadar sebagai teks bertulis, tetapi sebagai kod normatif yang menginstitusikan Islam dalam kerangka sosial dan politik masyarakat Melayu.

Dapatan analisis menunjukkan bahawa BBT disusun secara terancang melalui gabungan *doksologi*, pengisytiharan kuasa dan retorik *preventif*, selari dengan tradisi penulisan perundangan Islam klasik. Struktur ini berfungsi meletakkan autoriti ketuhanan sebagai asas legitimasi sebelum penguatkuasaan hukum dilaksanakan, sekali gus menegaskan bahawa Islam telah berperanan sebagai asas normatif kepada pemerintahan dan perundangan. Kandungan hukum yang merangkumi aspek muamalat, munakahat dan *muwatanah* pula mencerminkan bahawa Islam tidak terhad kepada amalan ritual, tetapi telah mengatur kehidupan kolektif masyarakat secara menyeluruh sebagai sistem akidah dan hukum yang mengikat.

Lebih penting, BBT memperlihatkan tahap kematangan fiqh dan usul fiqh melalui penggunaan konsep *maslahah mursalah*, '*urf* dan *fiqh siyasah*, termasuk pembezaan antara

hudud dan takzir yang dilaksanakan secara kontekstual. Pendekatan ini mencerminkan kesedaran maqasid yang tinggi, khususnya dalam menjaga kestabilan negara, serta menafikan tanggapan bahawa Islamisasi di Alam Melayu bersifat pasif atau literal. Sebaliknya, BBT membuktikan bahawa masyarakat Melayu abad ke-14 berperanan sebagai aktor yang mengolah dan membumikan prinsip Islam secara kreatif dan *adaptif*, sehingga melahirkan suatu sintesis Islam-Melayu yang berakar kukuh dalam struktur pemerintahan, perundangan dan kehidupan sosial.

RUJUKAN

Abdullah, M. Y., & Hamat, R. (2011). *Batu bersurat Piagam Terengganu: Wadah intelektual tamadun Melayu*. Lembaga Muzium Negeri Terengganu.

Abdullah, M. Y., & Hamat, R. (2013). *Batu bersurat Piagam Terengganu: Wadah intelektual tamadun Melayu*. Lembaga Muzium Negeri Terengganu.

Adam, A. (2009). *Batu bersurat Terengganu: Betulkah apa yang dibaca selama ini?* Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).

Al-Attas, S. M. N. (1969). *Preliminary statement on a general theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Blagden, C.O. (1924). A note on the Trengganu insription. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, 2*(3): 258-263.

Fatoni, A. S. (2021). Pernik-pernik metode dan pendekatan dalam penelitian filologi. *Jurnal Mahasantri, 2*(1), 346–367. https://ejournal.iainh.ac.id/index.php/mahasantri/article/view/104

Faqih, T. R. (1998). *Tarikh Fathani*. Dalam W. M. Saghir (Ed.), *Khazanah Fathaniyah*.

Hamzah, A.H. (2023). *Ilmu tatabahasa Arab di alam Melayu: Kemunculan dan perkembangan*. Penerbit Universiti Malaya.

Ibn Battutah, M. A. (1987). *Rihlah Ibn Battutah* (M. A. M. Al-‘Aryan & M. Al-Qassas, Eds.). Dar Ihya’ al-‘Ulum.

Irsyady, K. A., & Kamran, M. (2020). *The concept of prophetic government in Sunan Abi Dawud*. In M. Huda, M. Muslih, A. M. Amin, M. Nurhadi, & D. A. Kholid (Eds.), *Proceedings of the International Conference on Religion, Humanity and Social Sciences (RIICMuSSS 2019)* (Advances in Social Science, Education and Humanities Research, Vol. 454). Atlantis Press. https://doi.org/10.2991/assehr.k.201113.045

Hassim, M. H., Mustapa, A. M., & Baharuddin, A. H. (2019). Sejarah pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia: Sorotan terhadap sistem kehakiman Islam di Negeri Melaka. *Journal of Muwafaqat, 2*(2), 59–72.

Md Bahruddin, M. Z. F. (2025). Konsep kedaulatan menurut Sejarah Melayu. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies, 6*(11), 663–672. https://doi.org/10.47548/ijistra.2025.105

Nadri, M. H., Kasmo, M. A., & Yusoff, M. Y. Z. M. (2020). Tamra Terengganu 702H: Continuation of pre-Islamic Malay prasasti tradition. *Journal of Al-Tamaddun, 15*(1), 13–24.

Peterson, H.S. (1924). An early Malay inscription from Trengganu. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, 2*(3): 252-258.

Popova, E. I. (2022). The Principle of Philology and Philological Analysis of the Word. *International Journal of Social Science Research and Review*, *5*(8), 165–169. https://doi.org/10.47814/ijssrr.v5i8.545

Rahim, R. A. A., Salleh, M. S., & Awang, J. (2010). Batu Bersurat Terengganu: Satu tafsiran terhadap pelaksanaan syariah Islam. *Jurnal Fiqh, 7*(1), 135–158. https://doi.org/10.22452/FIQH.VOL7NO1.6

Stockwell, A. J. (1977). *British policy and Malay politics during the Malayan Union experiment, 1942–1948* (Monograph No. 8). Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.

Wan Husain, W. A. F. (2017). *Konsep kedaulatan raja-raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia menurut sejarah perundangan* (Tesis doktor falsafah). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yakin, A. U. (2015). Dialectic between Islamic law and adat law in the Nusantara: A reinterpretation of the Terengganu inscription in the 14th century. *Historia: Jurnal Pendidik dan Peneliti Sejarah, 3*(2). https://doi.org/10.31291/HN.V3I2.14

Za'ba, (1929). Batu bersurat dari Trengganu. *Majalah Guru, 6*(7): 7-8.

Zaroumi, A. H. M. A. (2017). *Ḥifẓ al-amn wa al-niẓām al-ʿāmm min manẓūr maqāṣid al-sharīʿah al-Islāmiyyah: Al-taʿāwun al-duwalī anmūdhajan*. *Al-Tajdid, 21*(41), 111–127. file:///C:/Users/user/Downloads/document-9.pdf